

Dua penuntut USIM sertai program kepimpinan di UK

SERMBAN 25 Ogos - Dua penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dipilih mewakili universiti ini menyertai program khas kepimpinan di Universiti Oxford, United Kingdom.

Acara *Student Parliament: Oxford Leadership Programme 2015* (Parlimen Mahasiswa: Program Kepimpinan Oxford 2015) adalah julung kali diadakan dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah mendapat kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Oxford Academy for Education and Development (OAED).

USIM diwakili oleh pelajar jurusan Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Abdul Muiz Abdul Hakim, 22, dan pelajar Sarjana Muda Matematik Kewangan, Fakulti Sains dan Teknologi, Muhammad Miqdam Rashid, 22.

Seramai 18 orang terpilih dalam kalangan pemimpin Parlimen Mahasiswa di universiti masing-masing untuk berada di Oxford University selama seminggu.

Mereka telah memulakan kursus pada Ahad lalu sehingga Sabtu ini.

Menurut Abdul Muiz yang juga Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar USIM ketika dihubungi di United Kingdom berkata, peluang yang diberikan ini memberi ruang kepadanya untuk meneladani Parlimen British, transformasi kepimpinan dan pemilihan di Oxford Union.

"Itu sesuatu yang saya tidak sangka dan kesempatan yang diberikan ini akan saya manfaatkan sebaiknya.

"Sebagai pemimpin pelajar di kampus, saya akan mengambil faedah dan idea menarik di sini untuk di manfaatkan di universiti kelak.

"Saya juga telah melakukan kajian berkaitan institusi Parlimen dan Kesatuan Pelajar di Malaysia dan Britain sebelum ke sini sebagai input awal," ujarnya.

Manakala bagi Muhammad Miqdam yang juga Presiden Sekretariat Kesukarelawan Mahasiswa USIM menjelaskan, dia melahirkan ucapan terima kasih kepada pengurusan universiti kerana mempercayai kemampuan dirinya.



ABDUL MUIZ ABDUL HAKIM



MUHAMMAD MIQDAM RASHID



Pastinya saya bersyukur selepas terpilih ke Universiti Oxford. Apa juga yang saya peroleh di United Kingdom akan diterjemahkan dengan sebaiknya untuk pembangunan ummah dan negara."

MUHAMMAD MIQDAM
Presiden Sekretariat
Kesukarelawan
Mahasiswa USIM

"Pastinya saya bersyukur selepas terpilih ke Universiti Oxford. Apa juga yang saya peroleh di United Kingdom akan diterjemahkan dengan sebaiknya untuk pembangunan ummah dan negara.

"Ya sesuatu yang baru bagi saya, justeru pembacaan awal berkaitan ekonomi, sosiomasyarakat, budaya dan pencapaian negara ini amat membantu" ujarnya.

Sepanjang berada di negara itu, mereka akan mengikuti kursus berbentuk kepimpinan; kebolehpasaran kerjaya; keusahawanan; program khidmat komuniti dan melihat kemudahan di

Universiti Oxford seperti Bodleian Library, Blackwells Bookshop dan Oxford Natural History Museum.

Pengisian lain yang amat dinantikan oleh peserta adalah forum bersama Pemimpin Mahasiswa Malaysia di United Kingdom.

Ahli panel yang terlibat adalah Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak), Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman; Rektor UIAM, Prof. Datuk Seri Dr. Zaleha Kamaruddin bersama wakil pemimpin pelajar.

"*Student Parliament: Oxford Leadership Programme 2015* itu bertujuan untuk membangunkan kemahiran kepimpinan pelajar dan memberikan mereka pendedahan kepada pelbagai individu pakar di Oxford, pengalaman budaya dan pendedahan berkaitan institusi parlimen di luar negara.

Pengisian itu secara langsung dapat mempersiapkan mereka sebagai pemimpin pelapis yang menyumbang kepada kecemerlangan universiti dan agen perubahan kepada masyarakat sekitar.

Program sulung itu turut disertai pemimpin pelajar dari UIAM, Universiti Malaysia Terengganu; Universiti Sultan Zainal Abidin; Universiti Malaysia Pahang; Universiti Utara Malaysia; Universiti Teknologi Mara; Universiti Kebangsaan Malaysia; Universiti Sains Malaysia; Universiti Pendidikan Sultan Idris; Universiti Malaysia Perlis dan Universiti Malaysia Sabah.